

Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**



Jangan biar isu halal terus cengkam pengguna

Dalam isu status produk 'Bihun Istimewa', kita sebagai umat Islam di negara ini bimbang berapa banyak lagi syarikat pengeluar produk makanan yang bertopengkan logo halal palsu. Apa yang pasti jika perkara ini tidak dibendung dengan segera kita akan terus tertipu dan diperdaya syarikat tidak bertanggungjawab.

Peraturan di negara kita cukup jelas iaitu tidak membenarkan mana-mana pihak mengeluarkan kelulusan halal kecuali JAKIM dan mengikut Akta Perihal Dagangan, syarikat yang menggunakan logo palsu seperti ini boleh dikenakan tindakan tegas kerana menipu dan mengelirukan pengguna Islam.

Antara lain hukumannya, termasuklah denda maksimum RM5 juta ke atas syarikat terbabit, atau denda maksimum RM1 juta atau hukuman penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi individu jika terbukti menggunakan logo halal tanpa kelulusan JAKIM.

Isu halal ini satu perkara yang cukup sensitif dalam masyarakat kita, terutama dalam kalangan orang Islam dan ternyata ini bukanlah insiden pertama yang berlaku di negara ini. Penggunaan logo halal palsu, sering menarik perhatian khalayak apabila pihak berkuasa seperti JAKIM membuat operasi serbuan dan pemeriksaan di kilang mahupun premis makanan berkaitan.

Hasilnya masih ramai pengilang mahupun pemilik premis makanan meneruskan aktiviti penipuan seperti ini lantas mengaburi mata pengguna yang disogokkan dengan logo halal palsu.

Walaupun JAKIM sudah mempermudah proses dan prosedur memohon sijil halal, namun ia masih berulang dan terus membangkitkan kemarahan pengguna Islam di negara ini. Ini menimbulkan pelbagai persoalan dan tanda tanya, terutama kenapa mereka ini begitu liat dan tidak mahu memohon dan mendapatkan sijil halal yang sah daripada JAKIM.

Apakah prosedur permohonan sedia ada masih terlalu ketat atau menyusahkan atau mereka memang malas dan sengaja tidak mahu membuat permohonan kepada JAKIM. Dalam hal ini, pihak berkuasa, terutama JAKIM wajar mengkaji aspek ini supaya mana-mana syarikat tidak sewenang-wenangnya menyalahkan pihak berkuasa dengan alasan kononnya prosedur permohonan terlalu susah dan sebagainya.

Kita khuatir isu sijil halal ini bakal berterusan, apatah lagi ketika Ramadan kerana pada tahun sebelum ini JAKIM sendiri pernah mendedahkan bahawa pemeriksaan ke atas hotel dan premis makanan yang menyediakan bufet Ramadan di Lembah Klang diragui status halalnya kerana kebanyakannya berseleluang di sebalik tema bufet Ramadan. Maka kita khuatir perkara sama bakal berulang pada bulan Ramadan tahun ini.

JAKIM, KPDNKK perlu tegas

Justeru, sebagai pengguna kita sangat berharap agar pihak berkuasa seperti JAKIM dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dapat melihat perkara ini dengan lebih serius. Kita tidak mahu pengguna Islam terus ditipu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Soal halal dan haram daripada aspek makanan ini tidak boleh dipandang ringan. Ia satu perkara cukup sensitif dan amat dititikberatkan oleh semua umat Islam.

Oleh yang demikian pihak berkuasa perlu melipatgandakan proses pemeriksaan dan penguatkuasaan agar isu ini tidak berulang lagi. Hukuman yang setimpal dan maksimum perlu dikenakan ke atas mana-mana syarikat mahupun individu yang dengan sengaja menipu pengguna Islam.

Penggunaan logo palsu, penjualan produk tanpa sijil halal serta pengabaian terhadap aspek kebersihan tidak boleh dikompromi sama sekali. Biar hukuman yang setimpal bakal menjadi iktibar dan pengajaran kepada semua pihak dan jangan sesekali membiarkan isu halal ini terus mencengkam umat Islam di negara ini.

Kita memohon agar pihak berkuasa mengkaji semula hukuman sedia ada dan jika perlu ditambah menjadi lebih berat supaya menggerunkan pihak yang mahu melakukan kesalahan ini.

Sebagai pengguna kita mempunyai banyak pilihan dan alternatif ketika berbelanja. Buatlah penilaian dan pemilihan yang betul dan tepat berdasarkan maklumat dan fakta sah.

Hal ini penting kerana kita tidak boleh meletakkan tanggungjawab ini di bahu pihak berkuasa semata-mata sebaliknya tanggungjawab ini perlu dipikul secara bersama.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM